

19/08/1997

MBM, Brothers anjur 14 kem motivasi

MAJLIS Belia Malaysia (MBM) membuat keputusan terus menjalinkan kerjasama dengan kumpulan Brothers dalam usaha menganjurkan 14 siri Kem Remaja Brothers di seluruh negara, bermula September depan.

Setiausaha Agung MBM, Saifuddin Abdullah berkata, jalinan kerjasama menganjurkan kem motivasi itu penting kerana ia bertujuan memerangi gejala sosial di kalangan remaja yang dianggap semakin kritikal kebelakangan ini.

Menurutnya, keputusan positif itu berjaya dicapai selepas MBM mendapati objektif penganjuran, modul pembelajaran dan konteks pendekatan yang dipraktikkan dalam Kem Remaja Brothers bersesuaian dengan golongan itu.

"Tambahan pula, ia pertama kali dianjurkan oleh golongan artis iaitu kumpulan nasyid kontemporari popular iaitu Brothers dan mempunyai ramai peminat yang rata-ratanya remaja."

"Pada persepsi MBM sendiri, artis boleh menjanakan peranan mereka khususnya dalam mendidik remaja ke arah Wawasan 2020 dan melahirkan masyarakat madani sebagaimana yang dimahukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya ketika ditemui Pusparia.

Saifuddin berkata, Kem Remaja Brothers dijangka menepati objektif dan hala-tuju penganjuran program-program motivasi remaja sebagaimana yang ditetapkan oleh MBM.

Katanya lagi, proses pembangunan golongan belia mesti dilakukan dengan cara yang sesuai terutamanya dari segi program, pengisian dan perlaksanaannya supaya berketepatan serta tidak sia-sia.

"Berdasarkan pemerhatian saya, Kem Remaja Brothers dianggap program motivasi paling unik di antara program motivasi yang pernah dianjurkan dengan kerjasama MBM kerana ia dikendalikan oleh remaja kepada remaja."

"Pada kebiasaannya, program seumpama ini dikendalikan oleh golongan bukan remaja yang mungkin cara, pendekatan dan pemahaman mereka berbeza dengan golongan itu."

"Mungkin faktor itu juga yang menyebabkan kurangnya rasa minat remaja untuk menghadiri kem ataupun program motivasi seperti ini kerana ia dianggap membosankan," katanya.

(END)